



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## FORUM KEAMANAN SEJAGAT PERDANA 2005: Antara Impian Amerika, Hak Asasi dan Khilafah

[SN4831205] Dunia di abad ke-21 ini diwarnai dengan seribu satu bentuk konflik dan keganasan. Keamanan yang diidamkan masih lagi sebuah mimpi kabur. Tekanan yang semakin memuncak akibat dari senario politik dunia yang dikaitkan dengan aktiviti keganasan, penindasan keagamaan, isu alam sekitar yang semakin meruncing dan pencabulan 'hak asasi' manusia membuktikan peri pentingnya mencari susur-galur dan akar-umbi punca konflik dengan mengaitkan keamanan dan keselamatan, kemiskinan dan masalah alam sekitar [www.perdana4peace.org]. Lantaran dari itu, Yayasan Kepimpinan Perdana telah menganjurkan Forum Keamanan Sejagat Perdana yang diadakan dari 15 hingga 17 haribulan Disember 2005. Forum bertemakan "*Peace Dividends, War Profits*" yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menghimpunkan ketua-ketua negara, bekas ketua negara serta ahli-ahli perniagaan dan akademik terkenal untuk sama-sama mengadakan sesi percambahan fikiran mengenai cara praktikal untuk melangkah ke hadapan bagi mencapai dunia yang aman [www.bernama.com 2 Disember 2005].

Mesej yang disampaikan oleh Mantan Perdana Menteri yang merangkap Pengurus Forum ini melalui laman web rasmi [www.perdana4peace.org] menegaskan bahawa keamanan dunia hanya akan dapat diraih dengan terhentinya peperangan dan pembunuhan. Justeru, forum ini bukan sekadar retorik untuk meluahkan kemarahan dan kekecewaan sebaliknya ia dilihat sebagai pencetus kempen keamanan dan menentang peperangan. Sautun Nahdah kali ini ingin mengajak para pembaca menghalusi agenda disebalik forum ini, impian Amerika menubuhkan empayar global dan pencabulan hak asasi serta penubuhan semula Khilafah yang begitu ditakuti pihak kuffar Barat.

### Sebuah Empayar dengan Visi "American Dream"

Menelusuri pemikiran Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST), Dr. Chandra Muzaffar, 'Impian Amerika' (*American Dream*) untuk mengujudkan sebuah empayar dilihat sebagai memberi impak negatif ke atas keamanan dunia. Korban nyawa yang keterlaluan adalah kesan yang paling tragik dan ini dapat disaksikan dalam perang Afghanistan dan Iraq yang telah mengorbankan puluhan malah ratusan ribu nyawa. Sejak penaklukan ke atas Iraq, dianggarkan seramai 100,000 orang awam telah terbunuh, kebanyakannya di tangan pasukan tentera penceroboh. Usaha Amerika ke arah mewujudkan hegemoni global telah diiringi dengan kemunculan autoritarianisme global dan disusuli pula oleh berbagai undang-undang yang kononnya digubal untuk melawan terorisme. Undang-undang seperti ini ternyata lebih bersifat menyekat dan adakalanya menindas penduduk sesebuah negara termasuk di negara-negara yang mengamalkan demokrasi seperti Britain, Amerika Syarikat (AS) dan Australia. Amat pelik apabila empayar yang bertujuan menyebarkan

### KHILAFAH UTHMANIYYAH DAN NUSANTARA-SUUAH KESATUAN.

Tanggal 3 Mac 1924 merupakan titik tolak kepada perubahan politik dunia. Dunia Islam telah kehilangan pelindung mereka, entiti yang memastikan umat Islam sentiasa dijaga urusannya, Khilafah Utmaniyah. Berita sebegini sudah pasti tidak dimasukkan ke dalam buku-buku sejarah Sekolah Melayu atau Inggeris. Gagasan penyatuan kaum Muslimin sememangnya adalah sebuah gagasan yang bermakna buat umat Islam dari segi hukum syara' dan kekuatan politik. Islam menghalang umatnya dari berpecah-belah berdasarkan sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dimana Islam mewajibkan umatnya bersatu di bawah satu kepimpinan.

*"Apabila dibai'ah dua orang khalifah maka bunuhlah yang terakhirnya"*

[HR Muslim]

Imam Nawawi menjelaskan makna hadis ini dalam kitab syarahnya bahawa adalah haram bagi kaum Muslimin sedunia untuk memiliki banyak pemimpin. *Ulama bersepakat bahawa tidak boleh mengangkat dua khalifah dalam satu masa samada dunia Islam semakin meluas ataupun tidak*<sup>[1]</sup>

Kebaikan dari segi politik juga jelas jika kita mengkaji dengan teliti petikan ucapan Sultan Abdul Hamid II ini: *"Kita berkewajiban untuk mempereratkan hubungan kita dengan umat Islam yang lain dengan cara yang lebih baik daripada apa yang berlaku sekarang. Tidak ada masa depan bagi kita melainkan dengan kesatuan. Jika kesatuan Islam terus berkekalan, ini bermakna Inggeris, Perancis, Rusia dan Belanda akan terus berada di bawah pengaruh kita, kerana satu perkataan sahaja daripada khalifah cukup untuk mengisyitharkan jihad di tanah-tanah Islam yang berada di bawah penguasaan negara-negara penjajah tersebut. Jika ini berlaku, sudah tentu akan menyebabkan malapetaka yang besar kepada salibiyyin. Sudah pasti, akan tiba harinya, ketika itu seluruh umat Islam akan berdiri sebagai seorang lelaki, dan mereka akan lihat mukasurat akhir....*

kebebasan dan demokrasi mencetuskan keadaan yang membawa kepada penghakisan kebebasan sivil dan politik di banyak tempat. [Mingguan Malaysia, 5 Disember 2005].

### Menjilat Ludah Sendiri

Aksi kekejaman AS mencetuskan '*friendly fire*' di seluruh pelusuk dunia dimana sahaja mereka mempunyai kepentingan adalah bagi menjilat ludah sendiri kerana ia bertentangan dengan imejnya yang konon sebagai pejuang kebebasan, demokrasi dan hak asasi. Berbekalkan kekuasaan ketenteraan yang melebihi kekuasaan tentera 14 buah negara selepasnya dan disokong oleh lebih 80 buah pangkalan tentera di serata dunia, ia turut menguasai perut lautan hingga mencecah ke angkasa lepas. Dominasinya meliputi seluruh pelusuk dunia.

Kuasa luarbiasa yang dimiliki oleh negara *Uncle Sam* itu menjadikan dirinya merasa layak untuk mengenepikan undang-undang antarabangsa dan ini termanifestasi dalam pencerobohannya ke atas Iraq pada Mac 2003. Ia turut merasakan dirinya memiliki keistimewaan seperti mengecualikan anggota tenteranya dari didakwa di bawah panji-panji PBB atau pihak lain sekiranya terlibat dalam insiden salah laku ketika menjalankan tugas di negara lain. Ini membawa makna bahawa meskipun sesbuah negara itu telah menandatangani Statut Rom atau mendokong Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), ia tidak dapat mengheret tentera AS ke muka pengadilan. Kuasa tentera adalah sebab utama Rumah Putih memilih jalan *unilateralisme* dalam politik dunia. Sokongan padu dari sekutu-sekutunya memberikannya '*License to Kill*' - melakukan apa sahaja tanpa mempedulikan pandangan umum sepertimana yang dapat disaksikan di Iraq.

Washington bebas menceroboh dan menakluk sesbuah negara walaupun tanpa restu masyarakat dunia dan PBB. Kaedah *unilateralisme* yang dipilihnya menyebabkan AS kerap dilihat mengamalkan *fascisme* dalam politik antarabangsa. Kerakusannya untuk menguasai sumber ekonomi penting seperti minyak terbukti di Iraq. Di Afghanistan pula, ia menggunakan kuasa ketenteraan untuk menggulingkan regim Taliban sebelum melebarkan sayapnya ke lima buah republik di Asia Tengah, membuka luas kekuasaan mutlak ke atas kekayaan minyak di seluruh wilayah Asia Tengah-Laut Kaspia. Peranannya sebagai '*self appointed*' Polis Dunia dimanifestasikan dengan aksi ancaman dan cengkaman ke atas kebebasan. Ini dapat diperhatikan melalui tindakan Agensi Perisikan Pusat AS (CIA) yang dikatakan membentuk jaringan penjara di beberapa tempat di dunia bagi menahan para pemimpin terkemuka Al-Qaeda untuk suatu tempoh yang tidak pasti tanpa memberi peluang kepada yang ditahan untuk mempertahankan diri. [Utusan Malaysia, 4-5 Disember 2005].

### Hak Asasi dan Prinsip Asas Demokrasi

Dunia yang mengamalkan demokrasi beranggapan bahawa satu-satunya jalan untuk mengecapi keamanan sejagat adalah dengan mewujudkan

susana keamanan tanpa perperangan dan pembunuhan. Keamanan yang membawa makna tiada perperangan (*absence of war*) pula diterjemahkan dalam bentuk propaganda, seruan-seruan dan kempen-kempen yang mengajak seluruh penduduk dunia meraih keamanan sejagat melalui sistem perundangan yang diakui oleh majoriti masyarakat dunia. Justeru, **Forum Keamanan Sejagat Perdana ini dianggap sebagai satu platform yang tepat untuk merancang, mengumpulkan strategi dan berkempen untuk meraih hasrat murni iaitu membebaskan umat manusia dari ketakutan akibat kematian dan kerosakan serta idea primitif bahawa pembunuhan adalah kaedah yang diterima untuk menyelesaikan masalah.**

### "Survival of The Fittest"

Umum mengetahui bahawa antara komponen penting di dalam sistem demokrasi ialah hak asasi manusia yang mencakupi kebebasan beraqidah, kebebasan bertingkah laku, kebebasan memiliki dan kebebasan mengeluarkan pendapat. Sebarang perilaku yang bercanggah dengan norma-norma yang 'dipersetujui' dunia moden dianggap mencabuli hak asasi manusia. Dalam isu keamanan sejagat dan hubungkaitnya dengan Empayar Amerika, apa yang dibimbangkan adalah berkembangnya kapitalisme *neo-con* yang merupakan ideologi ekonomi yang dianut oleh Amerika masa kini. Ia dimanifestasikan melalui agenda liberalisasi tanpa kawalan dan pelaksanaan penswastaan yang menyebabkan perluasan jurang ekonomi dan sosial secara mikro dan di peringkat global. Fakta yang amat ditakuti dipetik dari sebuah laporan terbitan PBB bertarikh September 2005 yang menunjukkan bahawa 20 peratus teratas daripada penduduk dunia tinggal di negara-negara utara dan menguasai 80 peratuskekayaan dunia manakala baki 80 peratus tinggal di negara-negara selatan memiliki 20 peratus sahaja. Ketamakan Amerika juga turut dianggap sebagai mencetuskan persengketaan di kalangan negara-negara kaum Muslimin disebabkan niatnya untuk menguasai sumber minyak dunia.

Forum yang berlangsung ini dihadiri oleh ketua-ketua negara yang mempunyai iltizam tinggi untuk menyaksikan keamanan sejagat dicapai. Bukanlah niat mereka yang ingin dipertikaikan di sini, sebaliknya SN hanya ingin mengupas serba sedikit latarbelakang para peserta forum ini. Mereka merupakan pemimpin dan bekas pemimpin negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi, yang menjunjung tinggi prinsip-prinsip asas hak asasi dan kebebasan. Ini bermakna, mereka juga berprinsip, berkeluakan dan bertindak-tanduk berdasarkan acuan yang sama seperti Amerika. Justeru, laungan mereka akan kekejaman Amerika menguasai seantero dunia sebenarnya didasari oleh prinsip kebebasan yang turut mereka setujui. Paling nyata, mereka lebih memberi fokus pada sikap '*double-standard*' Amerika yang bersikap *cakap tak serupa bikin*. Akibatnya, mereka hanya melihat tandatanda (*symptoms*) dan tidak melihat akar masalah menyebabkan mereka masih lagi

**meraba-raba mencari sinar di penghujung terowong.**

### **Pertembungan Peradaban**

Apabila disentuh isu peradaban, para sejarawan dan pakar sosiologi sering membahagikan dunia kepada dua kubu besar iaitu Peradaban Barat dan Peradaban Timur yang terdiri secara umumnya dari dua peradaban terbesar, Islam dan China. Peradaban Barat yang secara umumnya lahir pada akhir abad XV Masehi rentetan dari zaman *renaissance* dan reformasi gereja tegak di atas prinsip pemisahan agama dari kehidupan umum. Prinsip inilah yang membentuk persepsi atau pandangan khas bagi masyarakat Barat dalam setiap aktiviti kehidupan. Peradaban Barat amat berbeza dari Peradaban Islam kerana Islam adalah suatu ajaran yang mencakup konsep kerohanian dan politik (*siyasah*) yang mampu memberi corak warna terhadap kehidupan dimana Islam memiliki persepsi khas tentang kehidupan – yakni segmen kehidupan umum tidak boleh dipisahkan dari ajaran agama. Dalam konteks Empayar Amerika, niat mereka bukan sekadar menunjukkan kekuatan ketenteraan dan mengisi setiap isi rumah di seluruh dunia dengan *Mickey Mouse* atau *Donald Duck*, sebaliknya langkah-langkah yang diambil oleh Amerika bertitik-tolak dari permusuhan dengan Islam dan peradabannya. Islam sebagai ‘agama’ yang bersifat ideologis dianggap sebagai ancaman utama bagi ideologi Kapitalisme. Kenyataan ini diungkap oleh Samuel P. Huntington di dalam bukunya ‘*The Clash of Civilization* dan *The Remaking of World Order*’ bahawa musuh terbesar Peradaban Barat pasca Perang Dingin adalah Islam. Kata-kata Huntington mengungkap hakikat ini - “*Masalah mendasar bagi Barat bukanlah fundamentalisme Islam, tetapi Islam itu sendiri, sebagai sebuah Peradaban yang mana penganutnya meyakini ketinggian kebudayaan mereka dan dihantui rendahnya kekuatan mereka*”. Malang bagi Barat kerana ketakutan terhadap Peradaban Islam tidak terhenti setakat itu sahaja malah mereka meramalkan sesuatu yang lebih mengerikan - kesatuan umat Islam seluruh dunia. Daniel Pipes di dalam ‘*Political Islam is a Threat to the West*’ mengatakan, “*Seperti komunisme, kebangkitan kembali Islam bukan hanya sebuah gerakan dakwah, tetapi juga gerakan revolusi... Fundamentalisme Islam menentang Barat lebih keras berbanding dengan yang pernah dan sedang dilakukan oleh Komunisme*”. Ketakutan Barat akan kesatuan umat Islam di seluruh dunia diungkap juga oleh Jonathan Paris di dalam ‘*When to Worry in the Middle East*’ - “*Fundamentalisme Islam dapat berubah menjadi sebuah bola salji revolusioner yang dapat menembusi semua perbatasan ke arah satu umat yang lebih besar, atau mencapai kesatuan melalui jihad. Satu-satunya yang diperlukan adalah seorang Nasser berjanggut untuk menyatukan Muslim menjadi sebuah kekuatan politik pan-Islam*” Keresahan Barat terhadap kesatuan umat Islam menyebabkan Robert Satloff dari *Washington Institute for Near East Policy* mencadangkan agar AS mengambil langkah-langkah

yang perlu untuk bersekongkol dengan pemerintah Timur Tengah melawan puak Islamis.

### **Penegakkan Semula Khilafah Islam**

Ketakutan Barat terhadap kebangkitan Islam kini semakin memuncak. Pada bulan Disember 2004, National Intelligence Council (NIC) milik CIA mengemukakan sebuah senario dimana Khilafah akan berdiri menjelang tahun 2020 Masehi. Hasil kajian berjodol *Mapping the Global Future* ini memberi masukan kepada pentadbiran Bush akan sejumlah cabaran (*challenges*) yang bakal terjadi di dunia apabila sebuah Khilafah baru “mengalahkan norma-norma dan nilai-nilai Barat”. [ [http://www.cia.gov/nic/NIC\\_globaltrend2020\\_es.html](http://www.cia.gov/nic/NIC_globaltrend2020_es.html) ].

Baru-baru ini Setiausaha Pertahanan Amerika, Donald H. Rumsfeld memberi amaran bahawa jika AS mengambil keputusan untuk meninggalkan bumi Iraq secara tergesa-gesa, sebuah Negara Besar Islam (Islamic Superstate) akan muncul. Katanya, “*Iraq akan menjadi tapak sebuah Khilafah Islam Baru (a new Islamic caliphate) yang akan berkembang di seluruh Timur Tengah dan bakal mengancam kerajaan sah di Eropah, Afrika dan Asia. Inilah perancangan mereka. Mereka telah mengatakannya. Kita bakal melakukan kesilapan besar jika kita tidak mengendahkan dan belajar darinya*” [[www.defenselink.mil/news](http://www.defenselink.mil/news)]. Pentadbiran Bush turut memberi amaran akan bahayanya kekhilafahan yang baru ini dimana Negara Besar Islam yang berdiri berdasarkan hukum-hakam Islam dan kekuasaan politik merangkumi kesemua dunia Islam bakal menggugat polisi AS di Iraq. Inilah teori domino yang pernah didendangkan oleh AS semasa pendudukan keatas Vietnam yang mana mereka mengatakan jika kekuasaan Vietnam Selatan tidak dibendung, ia bermakna membenarkan pihak komunis menguasai negara-negara jirannya seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia. [[www.mercurynews.com](http://www.mercurynews.com)].

Kegelisahan akan kemunculan semula Khilafah turut dinyatakan oleh Jeneral Richard Myers yang memberitahu persidangan berita Pentagon bahawa Amerika Syarikat mesti mempertahankan kedudukannya di Iraq, tempat dimana wujud unsur pengganas yang dipimpin oleh Abu Musab Al-Zarqawi dari Jordan (orang kedua yang paling dikehendaki AS selepas pemimpin Al-Qaeda, Osama Bin Laden). “*Jika Zarqawi berjaya menakluki Iraq dan akan bermula kekhilafahan seperti yang mereka impikan, perkembangan kekuasaan (kekhilafahan) itu akan meluas di wilayah tersebut*”, katanya. Beliau menggunakan perkataan “Khilafah” secara eksplisit dalam menjelaskan sebuah negara Islam yang dipimpin oleh seorang ‘ekstrimis’ pada pandangan Barat. [Associated Press].

### **Sikap Kuffar-Barat terhadap Umat Islam**

Sesungguhnya pihak Kuffar tidak jemu-jemu menzalimi dan mengasari umat Islam kerana Islam dipandang sebagai ancaman bagi hegemoni

imperialisme Barat yang ditunjangi AS dan sekutunya. Settinggi manapun harga yang perlu dibayar, Barat akan terus berusaha bermati-matian mempertahankan kepentingan dan kelangsungan imperialismenya termasuk mempertahankan rejim-rejim bonekanya di negeri-negeri umat Islam sebagai anjing penjaga untuk melawan dan memusnahkan musuh-musuhnya. Firman Allah Subhanahu Wa Taala :

وَلَنْ شَرِّضَ عَنْكَ الْيُؤْدُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَبَعَ مُلْتَهِمُ<sup>١</sup>

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani (selamanya) tidak akan (pernah) senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka” [TMQ Al-Baqarah 2:120]

### Khatimah

Keamanan yang kita rindukan bukanlah sekadar melihat berhentinya peperangan dan berakhirnya pembunuhan. Keamanan sejagat tidak akan dapat dicapai hanya dengan menganjurkan sebuah Forum Perdana yang menganalisis perilaku Empayar Amerika dari perspektif menggapai Impian Amerika, pengembangan hegemoninya atau menentang keganasan; sebaliknya untuk mencapai keamanan hakiki, kita hendaklah meletakkan Amerika pada posisi pihak yang melihat Islam sebagai satu entiti

.....menghancurkan segala belenggu yang menghancurkan mereka”<sup>[2]</sup>

Umat Islam di Nusantara tidak kurang menunjukkan komitmennya dalam program Kesatuan Islam ini. Mereka menyokong Daulah Uthmaniyyah ketika peperangan menentang Yunani (Greek), terutama umat Islam Indonesia<sup>[3]</sup>. Menyedari hakikat ini Snouke Hurgronje telah menyeru kepada kerajaan Belanda agar menghalang konsul-konsul dan wakil-wakil Daulah Uthmaniyyah dari mengadakan hubungan dengan orang-orang Indonesia. Antara cadangan lain beliau adalah menghalang sebarang bantuan dari Indonesia kepada askar Daulah Uthmaniyyah, atau kepada janda dan anak-anak yatim dari syuhada yang gugur di medan pertempuran; mendoakan Sultan Abdul Hamid di dalam khutbah Jumaat di Indonesia juga perlu dihalang. Dia juga mencadangkan agar pendidikan agama di Indonesia diawasi, dan bab Fiqh jihad ditiadakan dari kitab Fiqh. Mereka juga disarankan untuk menghalang kemasukan Akhbar Arab ke di Indonesia<sup>[4]</sup>.

Sesungguhnya Orientalis seperti Snouke memahami bahawa umat Islam tidak akan berjaya ditundukkan dan dikalahkan selama mana mereka mengaitkan akidah Islam mereka dengan kehidupan; memahami kedudukan mereka di pentas politik semasa serta memahami erti jihad dalam menentang penjajahan salibiyin yang

politik yang boleh mengancam kepentingannya. Menelusuri sekian banyak penerbitan Barat akan kemunculan Khilafah, menjelaskan kepada kita bahawa Barat amat meyakini kewujudan semula entiti ini dan secara konsisten mengambil langkah-langkah pencegahan dengan segera. Selagi Barat masih mendominasi percaturan politik dunia, maka percayalah wahai kaum Muslimin yang dirahmati Allah, dunia ini tidak akan pernah aman dari peperangan dan pembunuhan. Jika Kuffar Barat dalam keadaan berhelah mengakui kemunculan semula kuasa adidaya Islam ini yang pernah menguasai 2/3 dunia selama lebih 13 abad, mengapakah kita sebagai umat Islam yang mengakui bahwasanya Islam itu adalah rahmatan lil alaamin masih ragu-ragu?

‘.....Dan kemudian, akan muncul kembali khilafah atas jalan (manhaj) kenabian’. [HR Ahmad].

Marilahlah kita menggembeling segenap tenaga kearah merealisasikan semula Khilafah Rasyidah ini kerana ia bukanlah suatu pilihan sebaliknya ia adalah suatu kewajipan setiap individu Muslim yang bukan sekadar membebaskan umatnya dari cengkaman Empayar Amerika malah menjanjikan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Wallahu ‘alam.

merampas negara dan kekayaan mereka, dan menerapkan sistem Barat ke atas umat Islam. Selama mana umat menganggap Khilafah sebagai pelindung mereka ini bermakna mereka akan sanggup bersatu menentang penjajahan bila ada seruan dari Khalifah. Namun sayang seribu kali sayang, Khilafah telah digulingkan. Orang sakit Eropah itu telah diracuni semasa sedang sakit tenat di perbarongan. Tiada lagi pelindung bagi umat – kecuali jika umat ini bangun dan kembali menegakkan Imamah ini sebagai suatu tanggungjawab yang terletak di atas pundak setiap seorang dari kita.

[1] Imam Nawawi, Syarah Sahih Muslim, XII/232

[2] Sultan Abdul Hamid, Catatan Harian (Dairi), ms 145

[3] Dr Muhamad Redzuan Othman, Jamal al-Din al-Afghani, ms 11.

[4] Muhamad Dhiya Shihab dan Abdur al-Rahman Faraj, Islam di Indonesia, ms 45-59.

‘Artikel ini mengandungi petikan ayat-ayat suci Al-Quran. Sekiranya anda tidak berkeinginan untuk memiliki nasyrah ini, sila letakkan di tempat yang dapat menjaga kesucian ayat-ayat Allah ini. Janganlah ia dibuang atau dipijak-pijak. Sesungguhnya kesucian ayat-ayat Allah wajib dipelihara’